Najmudeen Abdul Kader lwn Pendakwa Raya

A

MAHKAMAH RAYUAN (PUTRAJAYA) — RAYUAN JENAYAH NO B-05–17 TAHUN 2011
AZAHAR MOHAMED, LINTON ALBERT HHMR DAN ZAWAWI SALLEH H
20 NOVEMBER 2012

B

C

Prosedur Jenayah — Rayuan — Rayuan terhadap sabitan dan hukuman — Kesalahan mengedar 4041.3g ketamin — Sama ada hakim bicara khilaf dari segi undang-undang dan fakta — Sama ada perayu pembawa tak bersalah — Pengiktirafan kehakiman — Sama ada pengiktirafan penghakiman boleh diterima — Percanggahan keterangan — Sama ada dadah yang ditemui adalah dadah sama yang dianalisa oleh ahli kimia — Akta Dadah Berbahaya 1952 s 39B(1)(a)

D

Ketika bertugas di Balai Ketibaan Antarabangsa, Lapangan Terbang Antarabangsa, pegawai kastam ('SP3') telah melihat seorang warganegara India ('perayu') membimbit satu bagasi/beg berwarna merah hitam ('eksh P56') dan menyandang satu beg sandang berwarna hitam. SP3 lalu memanggil perayu untuk mengimbas bagasi yang dibawanya dan hasil imbasan menunjukkan bahawa terdapat imej gelap selari berbentuk segi empat padat memenuhi eksh P56. Perayu kemudian memusing-musing nombor kombinasi pada bagasinya dan membukanya. Pemeriksaan mendapati bahawa terdapat 47 bekas kayu colok yang mempunyai kain baldu warna merah hati dan apabila dikopek, terdapat penutup berwarna keemasan. Apabila penutup tersebut dibuka, terdapat serbuk-serbuk putih kristal yang kemudiannya disahkan menerusi analisa kimia sebagai 4041.3g ketamin. Perayu menyatakan bahawa barangan tersebut adalah untuk kawannya yang berniaga di Kuala Lumpur. Di Mahkamah Tinggi, perayu didapati bersalah, disabitkan dan dijatuhkan hukuman mati atas pertuduhan mengedar dadah berbahaya di bawah s 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952. Dalam rayuan ini, perayu membangkitkan alasan-alasan bahawa: hakim bicara telah khilaf dari segi undang-undang dan fakta apabila gagal memutuskan bahawa perayu ialah seorang pembawa tak bersalah; hakim bicara telah menyalaharahkan dirinya dari segi undang-undang apabila membuat pengiktirafan kehakiman bahawa 'India mempunyai industri hiburan yang begitu besar dan canggih. Pada pandangan mahkamah adalah tidak munasabah untuk OKT datang ke Malaysia dengan pesawat semata-mata untuk beli CD cerita-cerita Tamil yang dikatakan lebih terang dari apa yang boleh diperolehi di India'; hakim bicara telah menyalaharahkan dirinya dari segi undang-undang apabila gagal mengambil kira keterangan yang bercanggah, iaitu sama ada serbuk putih kristal yang diperolehi dari 'colok-colok kayu' atau dari 'bekas-bekas

E

F

G

H

I

colok-colok kayu' yang dianalisa oleh ahli kimia; dan hakim bicara telah menyalaharahkan dirinya apabila memutuskan bahawa kandungan bagasi/beg tidak boleh dikeluarkan jika perayu tidak membukanya dengan memusing-musing nombor kombinasi dan dengan demikian menunjukkan pengetahuan dan kawalan perayu atas beg dan dadah tersebut, serta apa juga barang tidak boleh dimasukkan ke dalam bagasi/beg tersebut tanpa kebenaran atau pengetahuan perayu.

Diputuskan, menolak rayuan perayu dan mengekalkan sabitan dan hukuman:

(1) Hakim bicara tidak melakukan apa-apa kekhilafan yang boleh dirayukan yang memerlukan campur tangan Mahkamah Rayuan. Malah keputusan beliau disokong oleh keterangan yang terdapat di hadapannya. Sabitan dan hukuman terhadap perayu adalah selamat dan berlandaskan prinsip undang-undang yang betul (lihat perenggan 38).

(2) Terdapat keterangan yang mencukupi untuk hakim bicara membuat inferens bahawa perayu mempunyai pengetahuan yang diperlukan. Adalah menjadi undang-undang mantap bahawa pembuktian elemen pengetahuan boleh dibuat secara inferens berdasarkan fakta dan keadaan sesuatu kes yang boleh berubah dari suatu kes ke suatu kes yang lain. Dalam keadaan demikian, adalah memadai untuk pihak pendakwaan mengemukakan dan membuktikan fakta dan keterangan dari mana inferens dapat dibuat bahawa perayu mempunyai pengetahuan yang diperlukan. Di samping itu, perlakuan perayu juga tidak selaras dengan dakwaan bahawa dia tidak mempunyai pengetahuan yang diperlukan (lihat perenggan 16–17 & 23).

(3) Berdasarkan keterangan perlakuan perayu, hakim bicara tidak khilaf dalam memutuskan berkenaan isu pembawa tak bersalah atau ikhlas dan isu pengetahuan. Jika benar kotak-kotak yang terdapat dalam eksh P56 adalah untuk diberikan kepada kawannya, adalah munasabah jika maklumat tepat mengenai kawannya akan segera diberikan kepada pihak kastam kerana maklumat ini akan membantu penyiasatan dalam kes ini dan ia juga akan membantu perayu sendiri. Analisa dan inferens mengenai pengetahuan oleh hakim bicara disokong oleh fakta dan keadaan yang terdapat dalam kes ini (lihat perenggan 26–27).

(4) Tidak terdapat keterangan yang boleh diambil pengiktirafan kehakiman bahawa adalah tidak munasabah untuk perayu untuk datang ke Malaysia dengan pesawat semata-mata untuk membeli CD cerita-cerita Tamil yang dikatakan lebih terang dari apa yang boleh diperolehi di India. Hakim bicara telah melakukan kekhilafan dalam membuat pengiktirafan kehakiman sedemikian. Namun begitu, melihat kepada keseluruhan keterangan dalam kes ini, tanpa pengiktirafan penghakiman ini sekalipun, keputusan yang dibuat oleh hakim bicara tidak akan berubah

kerana terdapat keterangan lain yang mencukupi untuk menyokong keputusan yang dibuat oleh hakim bicara (lihat perenggan 30–31).

(5) Tiada percanggahan material dalam mengenal pasti bekas-bekas colok yang dirampas dalam kes ini. Percanggahan berkisar sekitar panggilan atau sebutan saksi-saksi pendakwaan terhadap bekas-bekas tersebut. Percanggahan ini lebih menjurus kepada apa yang disebut oleh saksi-saksi dan bukannya mengenai identiti barang-barang kes yang diterima. Penandaan terhadap barang-barang kes telah dibuat dengan sempurna dan perkara ini tidak dicabar oleh perayu. Justeru, tidak syak lagi barang-barang kes yang dirampas ialah barang-barang kes yang sama yang dianalisa oleh ahli kimia dan kemudiannya dikemukakan di mahkamah sebagai ekshibit-ekshibit (lihat perenggan 32–33).

(6) Hakim bicara telah menerima keterangan SP5 yang telah melihat perayu memusing-musing nombor kombinasi pada bagasinya. SP5 ialah seorang penjawat awam yang tidak mempunyai apa-apa motif untuk menganiaya perayu dan hanya memberi keterangan mengenai apa yang sebenarnya berlaku. Hakim bicara adalah berhak untuk berbuat demikian kerana beliau telah melihat perlakuan saksi ini memberi keterangan. Mahkamah Rayuan hendaklah mengambil sikap perlahan dan berhati-hati dalam mengubah penemuan fakta yang dibuat oleh hakim bicara (lihat perenggan 36–37).

[English summary

While working at the International Arrival Hall, International Airport, the customs officer ('SP3') saw an Indian national ('the appellant') carrying in his hand a red and black coloured luggage /bag ('exh P56') and a black coloured sling bag on his shoulder. SP3 then called for the appellant to scan the luggage that he brought and the result of the scan showed that there was a compact parallel dark image filling exh P56. The appellant subsequently turned the combination number on his luggage and opened it. The inspection revealed that there were 47 incense stick container with red velvet cloth and when broke open, there was golden cover. When the cover was opened, there was white crystal powder which was subsequently confirmed by a chemist analysis as 4041.3g of ketamine. The appellant stated that the goods were for his friend who had business in Kuala Lumpur. In the High Court, the appellant was found guilty, convicted and sentenced to death for the offence of trafficking in dangerous drugs under s 39B(1)(a) of the Dangerous Drugs Act 1952. In this appeal, the appellant raised the grounds that: the trial judge had erred in law and in fact when he failed to find that the appellant was an innocent carrier; the trial judge had misdirected himself in law when he came to judicial declaration that 'India mempunyai industri hiburan yang begitu besar dan canggih. Pada pandangan mahkamah adalah tidak munasabah untuk OKT datang ke Malaysia dengan pesawat semata-mata untuk beli CD cerita-cerita Tamil yang dikatakan lebih terang dari apa yang boleh diperolehi di India'; the trial judge

had misdirected himself in law when he failed to take into account the contradictory evidence, ie whether the white crystalline powder obtained from the 'colok-colok kayu' or from 'bekas-bekas colok-colok kayu' analysed by the chemist; and the trial judge had misdirected himself when he concluded that the contents of the luggage/bag could not be taken out if the appellant did not open it by turning the combination number and thus showed knowledge and control of the appellant of the bag and the drugs, and that any goods could not be inserted into the luggage/bag without the appellant's permission or knowledge.

Held, dismissing the appellant's appeal and sustaining the conviction and sentence:

(1) The trial judge did not make any appealable error which required the intervention of the Court of Appeal. In fact, his decision was supported by the evidence before him. The conviction and sentence against the appellant was safe and based on the correct principles of law (see para 38).

(2) There was sufficient evidence for the trial judge to infer that the appellant had the requisite knowledge. It was an established law that the proof of the element of knowledge could be inferred based on the facts and circumstances of a case which is variable from one case to another case. In such circumstances, it was sufficient for the prosecution to adduce and prove the facts and evidence from where the inference that the appellant had the requisite knowledge could be made. Apart from that, the appellant's action was also not in conformity with the allegation that he did not have the requisite knowledge (see paras 16–17 & 23).

(3) Based on the evidence of the appellant's action, the trial judge had not erred in deciding on the issue of innocent or sincere carrier and the issue of knowledge. If it was true that the boxes contained in exh P56 were to be given to his friend, it was reasonable if the accurate information about his friend would immediately be given to the customs as the information would assist in the investigation of this case and it would also help the appellant himself. The analysis and the inferences on the knowledge by the trial judge was supported by the facts and circumstances of this case (see paras 26–27).

(4) There was no evidence that could be taken judicial review that it was unreasonable for the appellant to come to Malaysia with flight merely to buy Tamil movie CDs which was said to be clearer from what was available in India. The trial judge had erred in making such judicial notice. However, in view of the evidence in this case as a whole, even without the judicial notice, the decision made by the trial judge would not change as there was other evidence which was sufficient in supporting the decision made by the trial judge (see paras 30–31).

(5) There was no material discrepancy in the identification of the incense stick containers confiscated in this case. The discrepancy revolved around the name or reference used by the prosecution witnesses to the containers. This discrepancy pointed more to what was said by the witnesses and not to the identity of the case materials received. The marking of the case material was made perfectly and this matter was not challenged by the appellant. Hence, there was no doubt that the confiscated case materials were the same case materials that were analysed by the chemist and adduced in the court as exhibits (see paras 32–33).

(6) The trial judge had admitted SP5's evidence who had witnessed the appellant turn the combination number on his luggage. SP5 was a public servant who did not have any motive to frame the appellant and had only given the evidence of what had actually taken place. The trial judge was entitled to do so as he had seen the demeanour of the witness while testifying. The Court of Appeal must be slow and careful in changing the findings of fact made by the trial judge (see paras 36–37).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai rayuan terhadap hukuman dan sabitan, lihat 5(1) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2012 Reissue) perenggan 216–222.

Kes-kes yang dirujuk

Aik Ming (M) Sdn Bhd & Ors v Chang Ching Chuen & Ors and another appeal [1995] 2 MLJ 770; [1995] 3 CLJ 639, MR (dirujuk)
Andy bin Bagindah v PP [2000] 3 MLJ 644; [2000] 3 CLJ 289, MR (dirujuk)
Ganapathy a/l Rengasamy v PP [1998] 2 MLJ 577; [1998] 2 CLJ 1, MP (dirujuk)
Gunalan a/l Ramachandran & Ors v PP [2004] 4 MLJ 489; [2004] 6 AMR 189; [2004] 4 CLJ 551, MR (dirujuk)
Hoh Boh Tong v PP [2010] 5 CLJ 240, MR (dirujuk)
Lim Kheak Teong v PP [1985] 1 MLJ 38, MP (dirujuk)
Loh Kah Loon v PP [2011] 4 MLJ 260; [2011] 5 CLJ 345, MP (dirujuk)
Mustakin Hanafi v PP [2010] 3 CLJ 293, MR (dirujuk)
Parlan bin Dadeh v PP [2008] 6 MLJ 19; [2009] 1 CLJ 717, MP (dirujuk)
Pembangunan Maha Murni Sdn Bhd v Jurutus Ladang Sdn Bhd [1986] 2 MLJ 30, MA (dirujuk)
PP v Abdul Latif bin Sakimin [2005] 6 MLJ 351, MT (dirujuk)
PP v Aedy Osman [2009] 1 LNS 13, MT (dirujuk)
PP v Amil bin Akmad [2007] 5 MLJ 561; [2007] 4 CLJ 688, MR (dirujuk)
PP v Gan Kwong [1997] 2 CLJ Supp 433, MT (dirujuk)
PP v Goh Yeong Hock & Anor [1988] 1 CLJ 185, MT (dirujuk)
PP v Jul bin Alih [1989] 2 MLJ 63, MT (dirujuk)
PP v Lim Ah Bek [1989] 2 CLJ 1090, MT (dirujuk)
PP v Lin Lian Chen [1992] 2 MLJ 561, MA (dirujuk)

A *PP v Mohamed Ali* [1962] MLJ 257 (dirujuk)
PP v Tan Kok An [1996] 1 MLJ 89, MT (dirujuk)
R v Briscoe 2010 SCC 13; [2010] 1 SCR 411, MA (diikut)
Roslan bin Sabu @ Omar v PP [2006] 5 MLJ 244; [2006] 3 CLJ 607, MR (dirujuk)
B *Surentheran a/l Selvaraja v PP* [2006] 1 MLJ 641; [2005] 2 CLJ 264, MR (dirujuk)
Tan Kim Ho & Anor v PP [2009] 3 MLJ 151; [2009] 7 CLJ 236, MP (dirujuk)
Ubaka v PP [1995] 1 SLR 267, MR (dirujuk)
C *Yusri bin Mat Daud lwn Pendakwa Raya* [2012] 2 MLJ 59; [2011] 1 LNS 1023, MR (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Dadah Berbahaya 1952 s 2, Jadual Pertama

D

Rayuan daripada: Perbicaran Jenayah Selangor No 45–157 Tahun 2008 (Mahkamah Tinggi, Shah Alam)

AG Kalidas (K Nadarajah & Partners) bagi pihak perayu.
E *Fatnin bt Yusuf (Timbalan Pendakwa Raya, Jabatan Peguam Negara) bagi pihak responden.*

Zawawi Salleh H (menyampaikan penghakiman mahkamah):

F LATAR BELAKANG

[1] Ini ialah rayuan oleh Najmudden Abdul Kader ('perayu'), seorang warganegara India, terhadap keputusan pesuruhjaya kehakiman bijaksana ('hakim bicara') di Mahkamah Tinggi Shah Alam, Selangor bertarikh 4 Januari G 2011 di mana perayu telah disabitkan dan dijatuhkan hukuman gantung atas pertuduhan berikut:

> Kamu dituduh ATAS ARAHAN PENDAKWA RAYA MALAYSIA dan pertuduhan kamu ialah:-
>
> H
> Bahawa kamu pada 8 Ogos 2008, lebih kurang jam 8.20 pagi, di alamat Balai Ketibaan Antarabangsa, Unit Khas Pemeriksaan Penumpang (UKPP), Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur, di dalam daerah Sepang dalam negeri Selangor Darul Ehsan, telah mengedar dadah berbahaya iaitu Ketamine seberat 4041.3 gram, dan dengan itu kamu telah melakukan kesalahan di bawah seksyen I 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 yang boleh dihukum di bawah seksyen 39B(2) Akta yang sama.

[2] Kami telah mendengar rayuan ini pada 5 September 2012 dan di akhir

pendengaran, kami sebulat suara memutuskan bahawa rayuan perayu adalah tidak bermerit dan dengan demikian ditolak. Sabitan dan hukuman hakim bicara disah dan dikekalkan.

[3] Sekarang kami perturunkan alasan penghakiman terperinci kami.

FAKTA KES

[4] Bagi meletakkan rayuan ini dalam perspektif yang betul, fakta kes perlu dinyatakan secara ringkas seperti berikut:

Kes pendakwaan

(a) pada 8 Ogos 2008, jam lebih kurang 8.20 pagi, pegawai kastam Al Hakim bin Md Salleh ('SP3') telah diarahkan oleh penyelianya, Elangovan Rethnesamy ('SP5'), untuk bertugas di Kaunter A Balai Ketibaan Antarabangsa, Lapangan Terbang Antarabangsa memandangkan terdapat ramai penumpang dan bagasi yang baru tiba dari Mumbai, India;

(b) SP3 telah melihat perayu sedang berjalan menuju ke lorong hijau yang berada bersebelahan dengan Kaunter A. SP3 telah memanggil perayu untuk diimbas bagasi/beg yang dibawanya. Pada masa itu, perayu sedang membimbit satu bagasi/beg berwarna merah hitam (eksh P56) dan menyandang satu beg sandang berwarna hitam (eksh P91) (lihat gambar-gambar di eksh P55(1) dan (2)).
SP3 telah mengarahkan perayu untuk meletakkan bagasi/begnya di mesin pengimbas A yang dikendalikan oleh pegawai kastam Mohd Sufyan bin Zakaria ('SP4');

(c) hasil imbasan mendapati imej gelap selari berbentuk segi empat padat memenuhi eksh P56. SP4 merasa curiga dan memaklumkannya kepada SP3 supaya dibuat pemeriksaan ke atas eksh P56 tersebut. Kemudiannya, SP3 telah mengarahkan perayu mengangkat bagasi/begnya ke Kaunter A untuk dibuat pemeriksaan;

(d) hasil pemeriksaan mendapati terdapat kotak-kotak yang tersusun rapi di dalam bagasi/beg tersebut. Pemeriksaan lanjut oleh SP5 mendapati 23 kotak, di mana setiap kotak mengandungi dua bekas-bekas kayu colok. Terdapat juga satu bekas kayu colok yang tidak berkotak. Jumlah keseluruhan ialah 47 bekas-bekas kayu colok (lihat gambar-gambar di eksh P55(6)–(13));

(e) pemeriksaan ke atas bekas-bekas kayu tersebut pula mendapati terdapat kain baldu warna merah hati dan apabila dikopek terdapat penutup berwarna keemasan. Apabila penutup tersebut dibuka, terdapat serbuk-serbuk putih kristal yang disyaki dadah;

(f) mengikut SP5, beliau ada bertanya kepada perayu mengenai tujuan perayu membawa 'barangan' tersebut ke Malaysia dan perayu menjawab bahawa 'barangan' itu akan diberikan kepada kawannya yang berniaga di Kuala Lumpur. SP5 mengatakan keadaan dan reaksi perayu pada masa itu 'seolah-olah hendak keluar daripada tempat pemeriksaan' (lihat ms 47, perenggan bawah rekod rayuan, Jil 1). Kemudiannya, apabila ditanya mengenai kandungan bagasi/beg, pada mulanya perayu enggan menjawab tetapi setelah diulangi, perayu 'merayu kepada saya ada barang dalam bekas colok dan untuk melepaskan dia' (lihat ms 43, rekod rayuan, Jil 1);

(g) kesemua kotak telah ditanda oleh SP5 sebagai A1–A23 (ekshs P61–P83). SP5 juga telah menandakan kesemua bekas colok kayu tersebut (ekshs P8–P54). Penandaan yang dibuat oleh SP5 ialah seperti dalam senarai barang yang disita (eksh P99);

(h) analisa kimia telah dijalankan oleh Hjh Shadiah Ahmad ('SP1'), Ahli Kimia, Jabatan Kimia Malaysia. Hasil analisa menunjukkan bahawa serbuk-serbuk putih kristal tersebut ialah ketamin seberat 4041.3g. Ketamin adalah disenarai dalam Jadual Pertama Akta Dadah Berbahaya 1952(ADB 1952) (lihat eksh P6);

(i) tiket kapal terbang, 'boarding pass' dan dokumen-dokumen lain menunjukkan bahawa perayu telah datang ke Malaysia dengan menaiki penerbangan MAS MH195 dari Mumbai, India. Tag bagasi/beg di mana dadah ditemui dijumpai di bahagian poket tepi bagasi/beg dan tag tersebut adalah atas nama perayu; dan

(j) dari poket belakang sebelah kiri seluar yang dipakai oleh perayu pula, ditemui keratan tag bagasi/beg atas nama perayu dan mempunyai nombor yang sama dengan tag bagasi/beg.

Kes Pembelaan

(a) perayu berasal dari Chennai, India dan telah bekerja dengan majikannya yang bernama Anwar sebagai peniaga CD semenjak tahun 2006;

(b) pada 7 Ogos 2008, atas arahan Anwar, perayu telah pergi ke Mumbai dan berjumpa dengan Anwar di sana. Perayu telah pergi ke Lapangan Terbang Mumbai dengan membawa satu beg pakaian. Anwar meminta perayu untuk pergi ke Malaysia bagi mengambil CD untuk dijual di India. Tiket penerbangan untuk perayu datang ke Malaysia telah dibeli oleh Anwar. Anwar juga telah memberikan kepada perayu satu bagasi/beg berisi kotak-kotak untuk dibawa bersama dengannya ke Malaysia. Apabila bagasi/beg tersebut dibuka dan perayu bertanyakan kepada Anwar mengenai isi kotak-kotak tersebut, Anwar tidak berkata apa-apa. Anwar menyuruh perayu menelefonnya apabila sampai di Malaysia dan Anwar akan menyuruh orangnya untuk datang mengambilnya daripada perayu bagasi/beg tersebut;

(c) Anwar yang 'check-in' bagasi/beg tersebut. Perayu mendapatkan 'boarding pass' daripada Anwar dan terus berlepas ke Malaysia;

(d) perayu sampai di Malaysia lebih kurang jam 7.30 pagi pada 8 Ogos 2008. Di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur, *passport* perayu telah dicop oleh pihak imigresen. Perayu telah mengambil bagasi/begnya dan terus pergi ke tempat pemeriksaan kastam dan memasukkannya ke dalam mesin imbasan ('scanner'). Setelah dimasukkan ke dalam mesin imbasan, perayu diminta untuk membuka bagasi/beg tersebut oleh seorang pegawai kanan kastam;

(e) pegawai tersebut telah membuat pemeriksaan satu persatu bagasi/beg tersebut dan perayu ditanya mengenai apa yang terdapat di dalam kotak-kotak tersebut di mana perayu menjawab beliau tidak tahu;

(f) seorang pegawai kanan kastam telah membuka kotak-kotak kayu dan menjumpai serbuk-serbuk putih kristal di dalamnya. Ujian dibuat dengan 'test kit' dan perayu diberitahu bahawa ia adalah ketamine. Perayu menafikan yang beliau mengetahui wujudnya serbuk-serbuk putih kristal di dalam kotak-kotak tersebut; dan

(g) kemudiannya, perayu telah dibawa ke pejabat kastam di KLIA dan kesemua kotak telah dibuka dan gambar-gambar diambil oleh pegawai kastam. Perayu telah memberitahu pegawai kastam bahawa Anwar telah memberikan bagasi/beg tersebut kepadanya.

PENEMUAN HAKIM BICARA

[5] Hakim bicara memutuskan bahawa dadah yang menjadi hal perkara pertuduhan berada di dalam milikan perayu. Dalam alasan penghakimannya, hakim bicara menyatakan bahawa P56 adalah bagasi/beg yang dibawa oleh perayu. SP5 menemui tag bagasi/beg tersebut (eksh P60) di bahagian poket tepi bagasi P56 dan ia adalah atas nama perayu. Pada poket kiri belakang sebelah kiri seluar yang dipakai oleh perayu pula ditemui keratan tag bagasi/beg atas nama perayu dan mempunyai nombor yang sama dengan tag bagasi/beg eksh P60 iaitu 0098775717.

[6] Mengenai pengetahuan yang diperlukan, hakim bicara memutuskan bahawa kandungan bagasi/beg tersebut tidak boleh dikeluarkan sekiranya perayu tidak membukanya dengan memusing-musing nombor kombinasi. Apabila SP5 bertanya kepada perayu mengenai 'barangan' dalam bekas-bekas colok, pada mulanya perayu enggan menjawab. Walau bagaimanapun, apabila SP5 mengulangi soalan, perayu memberitahu bahawa terdapat 'barangan' dalam bekas-bekas colok tersebut dan merayu supaya dilepaskan. Mengikut hakim bicara, kesemua fakta ini menunjukkan bahawa perayu mempunyai pengetahuan mengenai kandungan bekas-bekas colok tersebut.

[7] Mengenai elemen pengedaran, hakim bicara memutuskan bahawa memandangkan jumlah dadah yang menjadi hal perkara pertuduhan ialah sebanyak 4041.3g dan dengan demikian ia tidak mungkin untuk kegunaan sendiri. Seterusnya, hakim bicara memutuskan bahawa fakta perayu telah membawa dadah tersebut dari satu tempat ke satu tempat lain dalam keadaan 'tersembunyi' di dalam bagasi/beg tersebut adalah tergolong di bawah salah satu aktiviti 'pengedaran' di bawah s 2 ADB 1952.

[8] Di akhir perbicaraan, hakim bicara memutuskan bahawa pembelaan perayu sama ada tidak munasabah, dan/atau semata-mata sesuatu yang baru terfikir ('afterthought'). Oleh itu, pembelaan tersebut gagal menimbulkan keraguan yang munasabah terhadap kes pendakwaan. Perayu didapati bersalah, disabitkan dan dijatuhkan hukuman mengikut undang-undang.

RAYUAN

[9] Di hadapan kami, dalam petisyen rayuan bertarikh 29 Mac 2011, perayu telah mengemukakan 18 alasan rayuan bagi menyokong rayuan beliau agar perintah sabitan dan hukuman hakim bicara diketepikan atau hukuman terhadapnya dikurangkan. Walau bagaimanapun, semasa pendengaran rayuan, peguambela terpelajar perayu, Encik AG Kalidas, telah memaklumkan kepada mahkamah bahawa perayu hanya berhasrat untuk meneruskan alasan-alasan rayuan utama, setelah diolah semula, seperti berikut:

(a) Yang Arif hakim Mahkamah Tinggi yang bijaksana telah khilaf dari segi undang-undang dan fakta apabila gagal memutuskan bahawa perayu ialah seorang pembawa tak bersalah atau ikhlas ('innocent carrier') kerana keterangan yang dikemukakan oleh perayu dan pelakuannya ('conduct') menunjukkan yang beliau tidak mempunyai pengetahuan mengenai dadah berbahaya yang terdapat dalam bekas-bekas colok kayu tersebut;

(b) Yang Arif hakim Mahkamah Tinggi yang bijaksana telah menyalaharahkan dirinya ('misdirected herself') dari segi undang-undang apabila membuat pengiktirafan kehakiman (*judicial notice*) seperti yang berikut:

> India mempunyai industri hiburan yang begitu besar dan canggih. Pada pandangan mahkamah adalah tidak munasabah untuk OKT datang ke Malaysia dengan pesawat semata-mata untuk beli CD cerita-cerita tamil yang dikatakan lebih terang dari apa yang boleh diperolehi di India.

(lihat ms 146–147, rekod rayuan, Jil 1).

(c) Yang Arif hakim Mahkamah Tinggi yang bijaksana telah menyalaharahkan dirinya dari segi undang-undang apabila gagal mengambil kira keterangan yang bercanggah, iaitu sama ada serbuk

putih kristal yang diperolehi dari 'colok-colok kayu' atau dari 'bekas-bekas colok-colok kayu' yang dibuat dianalisa oleh ahli kimia; dan

(d) Yang Arif hakim Mahkamah Tinggi yang bijaksana telah menyalaharahkan dirinya dalam menilai fakta apabila memutuskan bahawa kandungan bagasi/beg tidak boleh dikeluarkan jika perayu tidak membukanya dengan memusing-musing nombor kombinasi dan dengan demikian menunjukkan pengetahuan dan kawalan perayu atas beg dan dadah tersebut, serta apa juga barang tidak boleh dimasukkan ke dalam bagasi/beg tersebut tanpa kebenaran atau pengetahuan perayu sedangkan perayu dengan jelas menyatakan dalam pembelaannya bahawa beliau membuka bagasi/beg tersebut (eksh P56) dengan membuka zipnya dan beliau tidak mempunyai nombor kombinasi bagasi/beg tersebut.

[10] Kami akan membincangkan alasan-alasan rayuan di atas satu persatu.

Isu (a): Pembawa tak bersalah atau ikhlas ('innocent carrier')

[11] Mengikut keputusan kes-kes oleh mahkamah-mahkamah Malaysia, pembawa tak bersalah atau ikhlas ('innocent carrier') merujuk kepada suatu situasi di mana tertuduh mengakui membawa beg atau bungkusan yang mengandungi dadah berbahaya tetapi menafikan mempunyai pengetahuan yang dadah berbahaya terdapat di dalam beg atau bungkusan tersebut (lihat, antara lain, *Hoh Boh Tong v Public Prosecutor* [2010] 5 CLJ 240; *Andy bin Bagindah v Public Prosecutor* [2000] 3 MLJ 644; [2000] 3 CLJ 289; *Yusri bin Mat Daud lwn Pendakwa Raya* [2012] 2 MLJ 59; [2011] 1 LNS 1023; *Ganapathy a/l Rengasamy v Public Prosecutor* [1998] 2 MLJ 577; [1998] 2 CLJ 1; *Public Prosecutor v Lim Ah Bek* [1989] 2 CLJ 1090; *Public Prosecutor v Goh Yeong Hock & Anor* [1988] 1 CLJ 185; *Public Prosecutor v Tan Kok An* [1996] 1 MLJ 89).

[12] Sama ada pembelaan pembawa tak bersalah atau ikhlas ('innocent carrier') diterima oleh mahkamah atau tidak adalah bergantung kepada fakta dan keadaan yang wujud dalam sesuatu kes. Dalam beberapa kes, mahkamah telah menolak pembelaan pembawa tak bersalah atau ikhlas kerana keterangan yang dikemukakan didapati sukar untuk dipercayai, tidak munasabah, direka-reka, sesuatu yang baru terfikir ('afterthought'), atau terdapat beberapa kelemahan ('weaknesses') dan kekurangan ('shortcomings') dalam teori pembelaan pembawa tak bersalah atau ikhlas tertuduh (lihat, antara lain, kes *Public Prosecutor v Jul bin Alih* [1989] 2 MLJ 63; *Public Prosecutor v Gan Kwong* [1997] 2 CLJ Supp 433; *Ubaka v Public Prosecutor* [1995] 1 SLR 267).

[13] Dalam kes semasa, peguambela terpelajar perayu berhujah bahawa

hakim bicara telah melakukan kekhilafan serius dari segi fakta dan undang-undang ('committed grave error in law and facts') apabila beliau memutuskan bahawa perayu bukanlah pembawa tak bersalah atau ikhlas ('innocent carrier') sedangkan terdapat keterangan dari perayu dan juga pelakuannya yang jelas menunjukkan bahawa beliau tidak mempunyai pengetahuan mengenai dadah berbahaya yang terdapat di dalam bekas-bekas colok kayu tersebut.

[14] Peguambela terpelajar telah menarik perhatian mahkamah secara terperinci kepada beberapa aspek keterangan yang dihujahkan sebagai boleh menyokong pembelaan pembawa tak bersalah atau ikhlas ('innocent carrier') yang dikemukakan oleh perayu atau sekurang-kurangnya telah menimbulkan keraguan yang munasabah mengenai siapakah pengedar yang sebenar ('real trafficker').

[15] Antara keterangan-keterangan tersebut ialah seperti berikut:

(a) perayu menyatakan bahawa beliau hanya membuka bagasi/beg tersebut di Lapangan Terbang Mumbai dan telah melihat kotak-kotak dalam bagasi/beg tersebut. Saksi pendakwaan sendiri, iaitu SP5, telah menyatakan bahawa beliau mengambil masa selama 5 minit untuk memasukkan serbuk-serbuk putih kristal ke dalam bekas-bekas kayu colok tersebut. Ini menunjukkan bahawa perayu tidak mempunyai pengetahuan kerana beliau sendiri tidak mempunyai masa untuk memasukkan serbuk-serbuk putih kristal ke dalam bekas-bekas colok tersebut kerana bagasi/beg tersebut hanya diberikan kepada beliau di Lapangan Terbang Mumbai;

(b) perayu hanyalah seorang pekerja kepada Anwar dan tidak mempunyai kuasa untuk membuat keputusan mengenai perniagaan atau perjalanannya;

(c) tidak terdapat barangan peribadi perayu dalam bagasi/beg tersebut; dan

(d) perayu terperangkap dalam konspirasi oleh Anwar untuk menyeludup dadah berbahaya ke Malaysia.

[16] Kami telah meneliti alasan penghakiman hakim bicara mengenai isu ini secara mendalam kerana ia merupakan teras pembelaan perayu. Kami berpendapat terdapat keterangan mencukupi untuk hakim bicara membuat inferens bahawa sesungguhnya perayu mempunyai pengetahuan yang diperlukan.

[17] Adalah menjadi undang-undang mantap bahawa pembuktian elemen pengetahuan ('knowledge') boleh dibuat secara inferens berdasarkan fakta dan keadaan sesuatu kes yang boleh berubah dari sesuatu kes ke sesuatu kes yang

lain. Dalam keadaan demikian, adalah memadai untuk pihak pendakwaan mengemuka dan membuktikan fakta dan keterangan dari mana inferens dapat dibuat bahawa perayu mempunyai pengetahuan yang diperlukan (lihat kes *Parlan bin Dadeh v Public Prosecutor* [2008] 6 MLJ 19; [2009] 1 CLJ 717 (MP)).

[18] Dalam kes *Surentheran a/l Selvaraja v Public Prosecutor* [2006] 1 MLJ 641; [2005] 2 CLJ 264 (Mahkamah Rayuan), Abdul Aziz Mohamed HMR (sebagaimana dia ketika itu) berkata di ms 646 (MLJ); ms 269 (CLJ):

> There is, if at all, very seldom available direct proof of the knowledge that is necessary to constitute possession. In almost every case, proof of knowledge has to be by way of inference from proven circumstances. One set of circumstances differs from another. In any given case, whether knowledge is inferable depends on the particular circumstances of the case and a proper appreciation of them. We have to look at the particular circumstances of this case and assess them indepently, without being influenced by what may have been decided in some other case under a different set of circumstances.

[19] Kami bersetuju dengan hujah Puan Fatnin bt Yusuf, timbalan pendakwa raya terpelajar bahawa berdasarkan fakta dan keadaan yang wujud dalam kes ini, doktrin kebutaan disengajakan ('wilful blindness') terpakai terhadap perayu. Doktrin kebutaan disengajakan telah diterima pakai oleh mahkamah-mahkamah atasan Malaysia dan terkunci rapat dalam perbendaharaan undang-undang kita.

[20] Bagi tujuan penghakiman ini, barangkali suai manfaat sekiranya kami jelaskan secara ringkas doktrin kebutaan disengajakan. Kami mendapati penjelasan doktrin ini oleh Charron J dalam satu kes Mahkamah Agung Kanada, *R v Briscoe* 2010 SCC 13; [2010] 1 SCR 411 adalah tepat. Beliau menyatakan:

> [21] Wilful blindness does not define the mens rea required for a particular offences. Rather, it can be substitute for actual knowledge whenever knowledge is a component of the *mens rea*. The doctrine of wilful blindness imputes knowledge to an accused whose suspicion is aroused to the point where he or she sees the need for further inquiries, but *deliberately* chooses not to make these inquiries. See *Sansregret v The Queen* [1985]1 SCR 570, and *R v Jorgenson* [1995]4 SCR 55. As Sopinka J succinctly put it in *Jorgenson* (at para 103), '[a] finding of wilful blindness involves an affirmative answer to the question: Did the accused shut his eyes because he knew or strongly suspected that looking would fix him with knowledge?'
>
> [22] Courts and commentators have consistently emphasised that wilful blindness is distinct from recklessness. The emphasis bears repeating. As the court explained in Sansreget (at p 584):

A … while recklessness involves knowledge of a danger or risk and persistence in a course of conduct which creates a risk that the prohibited result will occur, wilful blindness arises where a person who has become aware of the need for some inquiry declines to make inquiry *because he does not wish to know the truth. He would prefer to remain ignorant.* The culpability in recklessness is justified by consciousness of
B the risk and by proceeding in the face of it, while in willful blindness it is justified by the accussed's fault in *deliberately failing to inquire* when he knows there is reason for inquiry. (Emphasis added).

[23] It is important to keep the concepts of recklessness and wilful blindness
C separate. Glanville Williams explains the key restriction on the doctrine:

The rule that wilful blindness is equivalent to knowledge is essential and found throughout the criminal law. It is, at the same time, an unstable rule, because judges are apt to forget its very limited in scope. A court can properly find wilful blindness only where it can almost certain that
D the defendant actually knew. He suspected the fact; he realiased is probability; but *he retrained from obtaining the final confirmation because he wanted in the event to be able to deny knowledge. This, and this alone, is wilful blindness. It requires in effect a finding that the defendant intended to cheat the administration of justice.* Any wider definition would make
E the doctrine of wilful blindness indistinguishable from the civil doctrine of negligence in not obtaining knowledge. (Emphasis added.)

(*Criminal Law: The General Part* (2nd Ed), 1961, at p 159 (cited in *Sansregret*, at p 586)). (Penekanan ditambah.)

F

[21] Dengan memakai pendekatan yang sama, mahkamah-mahkamah di Malaysia juga telah memetik Glanville Williams semasa membincangkan doktrin kebutaan disengajakan. James Foong HMR (sebagaimana beliau ketika itu), dalam kes *Roslan bin Sabu @ Omar v Public Prosecutor* [2006] 5
G MLJ 244; [2006] 3 CLJ 607, (Mahkamah Rayuan), berkata di ms 250 (MLJ); ms 615 (CLJ):

This is what Professor Glanville Williams in his text *Textbook on Criminal Law* at p 125 called 'wilful blindness', when he said:

H … the strict requirement of knowledge is qualified by the doctrine of 'wilful blindness'. This is meant to deal with those whose philosophy is: 'Where ignorance is bliss, 'tis folly to be wise.' To argue away inconvenient truths is a human failing. If a person deliberately 'shuts his eyes' to the obvious, because he 'doesn't want to know,' he is taken to know.

I

(lihat juga kes *Public Prosecutor v Amil bin Akmad* [2007] 5 MLJ 561; [2007] 4 CLJ 688).

[22] Pada hemat kami, kegagalan perayu untuk membuat pemeriksaan

lanjut apabila Anwar tidak memberi apa-apa jawapan kepada pertanyaannya mengenai isi-isi kotak yang terdapat di dalam bagasi/beg tersebut adalah tergolong dalam kebutaan disengajakan ('wilful blindness'). Dalam keadaan ketiadaan jawapan tersebut, sewajarnya telah timbul kecurigaan di pihak perayu mengenai apakah sebenarnya kandungan isi-isi kotak tersebut. Tambahan pula, Anwar tidak memberi nombor telefon orang yang akan mengambil 'barangan' tersebut di Malaysia. Anwar dikatakan memberitahu perayu untuk menghubunginya apabila sampai di Malaysia dan Anwar akan menghubungi orang tersebut untuk mengambil perayu (lihat ms 87, rekod rayuan, Jil 1). Perayu secara sengaja gagal untuk membuat inquiri yang lebih lanjut walaupun terdapat alasan-alasan yang munasabah bagi beliau untuk berbuat demikian.

[23] Pelakuan ('conduct') perayu juga adalah tidak selaras dengan dakwaan bahawa beliau tidak mempunyai pengetahuan yang diperlukan. Terdapat keterangan yang menunjukkan bahawa sebelum SP5 membuka bagasi/beg tersebut, beliau ada bertanya kepada perayu mengenai tujuan membawa 'barangan' yang terdapat di dalam bagasi/beg ke Malaysia. Keterangan SP5 di ms 42–43, rekod rayuan, Jil 1, ialah seperti berikut:

S: Berapa kotak yang Encik periksa pada masa itu.

J: Saya buka 1 kotak. Dalam kotak tersebut mengandungi 2 bekas colok.

S: Bekas colok diperbuat daripada apa?

J: Diperbuat daripada kayu.

S: Apa tindakan seterusnya?

J: Saya bertanya kepada penumpang tujuan apa dia bawa barangan ke Malaysia dan dia jawab, untuk diberi kepada kawannya yang berniaga di Kuala Lumpur.

S: Encik tanya soalan ini setelah anda periksa passport atau sebelum?

J: Saya tanya setelah saya periksa passport penumpang.

S: Bagaimana keadaan dan reaksi penumpang pada masa itu?

J: *Dia nampak cemas.*

S: Boleh jelaskan.

J: *Dia seolah-olah hendak keluar daripada tempat pemeriksaan.*

S: Saya kurang jelas.

J: *Dia seolah-olah hendak pemeriksaan dibuat dengan cepat dan saya nampak ada wang ditangannya.*

(Penekanan ditambah.)

[24] Seterusnya terdapat keterangan di ms 48, rekod rayuan, Jil 1, mengenai soal-jawab antara SP5 dan perayu seperti berikut:

S: Encik gunakan bahasa Tamil untuk berkomunikasi dengan penumpang?

J: Ya, bahasa Tamil.

S: Dia ada jawab?

J: *Mula-mula dia enggan jawab, dia merayu kepada saya ada barang dalam bekas kotak dan untuk melepaskan dia.*

(Penekanan ditambah.)

[25] Pada pandangan kami, berdasarkan keterangan pelakuan perayu seperti yang diperincikan dalam keterangan di atas, hakim bicara tidak khilaf apabila memutuskan seperti yang beliau telah putuskan berkenaan dengan isu pembawa tak bersalah atau ikhlas ('innocent carrier') dan isu pengetahuan ('knowledge'), (lihat kes *Parlan bin Dadeh v Public Prosecutor*; *Mustakin Hanafi v Public Prosecutor* [2010] 3 CLJ 293).

[26] Tambahan pula, hakim bicara menyatakan jika benar kotak-kotak yang terdapat dalam bagasi/beg tersebut (eksh P56) tersebut adalah untuk diberikan kepada kawannya di Malaysia, adalah munasabah jika maklumat tepat mengenai kawannya akan segera diberikan kepada pihak kastam kerana maklumat ini akan membantu penyiasatan dalam kes ini dan ia juga akan membantu perayu sendiri.

[27] Kami bersetuju dengan analisa dan inferens yang dibuat oleh hakim bicara di atas. Analisa dan inferens mengenai pengetahuan oleh hakim bicara disokong oleh fakta dan keadaan yang terdapat dalam kes ini.

[28] Satu perkara lagi yang perlu diambil perhatian ialah perayu dalam pembelaannya menyatakan bahawa kawannya di Malaysia bernama Sidiq. Namun penama ini hanya timbul semasa pembelaaan perayu dan tidak pernah dicadangkan kepada saksi-saksi pendakwaan. SP5 memberi keterangan bahawa perayu ada menyatakan yang Anwar tidak memberitahu beliau nama dan alamat kawan Anwar yang akan mengambil bagasi/beg tersebut di Kuala Lumpur. Pada pandangan kami, kegagalan perayu untuk mencadangkan nama Sidiq kepada saksi-saksi pendakwaan dan hanya menimbulkan buat pertama kali semasa pembelaannya adalah semata-mata sesuatu yang baru terfikir ('afterthought') (lihat kes-kes *Tan Kim Ho & Anor v Public Prosecutor* [2009] 3 MLJ 151; [2009] 7 CLJ 236; *Aik Ming (M) Sdn Bhd & Ors v Chang Ching Chuen & Ors and another appeal* [1995] 2 MLJ 770; [1995] 3 CLJ 639; *Public Prosecutor v Lin Lian Chen* [1992] 2 MLJ 561).

Isu (b): Salah arah mengenai pengiktirafan kehakiman

[29] Kami bersetuju dengan proposisi undang-undang pengiktirafan kehakiman yang dikemukakan oleh peguambela terpelajar perayu seperti yang berikut:

> … The matter which the court will take judicial notice must be the subject of common and general knowledge and its existence or operation is accepted by the public without quantification or contention. The test is that the facts involved must be sufficiently notorious that it becomes proper to assume its existence without proof.

(lihat kes *Pembangunan Maha Murni Sdn Bhd v Jurutus Ladang Sdn Bhd* [1986] 2 MLJ 30).

[30] Kami berpendapat fakta bahawa industri hiburan India yang berkembang begitu besar dan canggih tidak boleh dipertikaikan. Adalah dipercayai industri perfileman 'Bollywood' lebih besar dari 'Hollywood'. Walau bagaimanapun, kami bersetuju bahawa tidak terdapat keterangan yang boleh diambil pengiktirafan kehakiman bahawa adalah tidak munasabah untuk perayu untuk datang ke Malaysia dengan pesawat semata-mata untuk membeli CD cerita-cerita Tamil yang dikatakan lebih terang dari apa yang boleh diperolehi di India. Hakim bicara telah melakukan kekhilafan dalam membuat pengiktirafan kehakiman mengenai hal ini.

[31] Walau bagaimanapun, kami berpendapat, melihat kepada keseluruhan keterangan dalam kes ini, tanpa pengiktirafan penghakiman ini sekalipun, ia tidak dengan apa cara jua pun akan mengubah keputusan yang dibuat oleh hakim bicara seperti yang telah kami bincangkan sebelum ini. Ini adalah kerana terdapat keterangan lain yang mencukupi untuk menyokong keputusan yang dibuat oleh hakim bicara.

Isu (c): Percanggahan mengenai 'colok-colok kayu' atau 'bekas colok-colok kayu'

[32] Kami telah meneliti kesemua aspek keterangan mengenai isu ini dan berpendapat tiada percanggahan material dalam mengenal pasti bekas-bekas colok yang dirampas dalam kes ini. Percanggahan nampaknya berkisar sekitar panggilan atau sebutan saksi-saksi pendakwaan terhadap bekas-bekas tersebut. Percanggahan ini lebih menjurus kepada apa yang dipanggil atau disebut oleh saksi-saksi dan bukannya mengenai identiti barang-barang kes yang diterima.

[33] Kami berpuas hati bahawa penandaan terhadap barang-barang kes telah dibuat dengan sempurna dan perkara ini tidak dicabar oleh perayu. Justeru, tidak syak lagi barang-barang kes yang dirampas ialah barang-barang kes yang sama yang dibuat analisa oleh ahli kimia dan kemudiannya dikemukakan di

mahkamah sebagai ekshibit-ekshibit (lihat kes *Gunalan a/l Ramachandran & Ors v Public Prosecutor* [2004] 4 MLJ 489; [2004] 6 AMR 189; [2004] 4 CLJ 551; *Loh Kah Loon v Public Prosecutor* [2011] 4 MLJ 260; [2011] 5 CLJ 345).

Isu (d): Percanggahan keterangan mengenai kombinasi nombor bagasi/beg

[34] Peguambela terpelajar perayu berhujah bahawa perayu telah memberi keterangan bahawa beliau telah membuka bagasi/beg dengan zip dan tidak mengetahui kombinasi nombor bagasi/beg tersebut. Seterusnya dihujahkan bahawa gambar di eksh P55(4) menunjukkan kombinasi nombor bagasi/beg tersebut ialah '000'.

[35] Berhubung dengan isu ini, saksi pendakwaan, SP5, memberi keterangan di ms 30, rekod rayuan, Jil 1, seperti berikut:

> S: Boleh beritahu mahkamah bagaimana dia buka sendiri kunci itu?
>
> J: Saya melihat penumpang itu memusing-musing nombor kombinasi pada bagasi itu.

[36] Hakim bicara telah menerima keterangan SP5. Kami berpendapat hakim bicara adalah berhak untuk berbuat demikian kerana beliau telah melihat *demeanour* saksi ini memberi keterangan. Mahkamah Rayuan hendaklah mengambil sikap perlahan dan berhati-hati dalam mengubah penemuan fakta yang dibuat oleh hakim bicara. Perkara ini telah diperingatkan oleh kes *Andy bin Bagindah v Public Prosecutor* seperti berikut:

> It was for the trial judge to consider whether the discrepancies and contradictions in the evidence of the prosecution's withnesses were material. Since the trial judge had found that they were not, an appellate court, not having seen and heard the said witnesses should not interfere with his findings on their credibility.

(lihat juga kes *Lim Kheak Teong v Public Prosecutor* [1985] 1 MLJ 38).

[37] Tambahan pula, SP5 ialah seorang penjawat awam yang tidak mempunyai apa-apa motif untuk menganiaya perayu dan hanya memberi keterangan mengenai apa yang sebenarnya berlaku (lihat kes *Public Prosecutor v Mohamed Ali* [1962] MLJ 257; *Public Prosecutor v Abdul Latif bin Sakimin* [2005] 6 MLJ 351; *Public Prosecutor v Aedy Osman* [2009] 1 LNS 13).

KESIMPULAN

[38] Kami telah memberi pertimbangan yang mendalam terhadap alasan-alasan rayuan yang dikemukakan oleh perayu dan telah meneliti kesemua keterangan, terutama keterangan yang berpihak dan memberi faedah

kepada perayu. Kami berpendapat bahawa hakim bicara tidak melakukan apa-apa kekhilafan yang boleh dirayukan ('appealable error') yang memerlukan campur tangan mahkamah ini. Malah keputusan beliau adalah disokong oleh keterangan yang terdapat di hadapannya.

[39] Kami berpuashati sabitan dan hukuman terhadap perayu adalah selamat dan berlandaskan prinsip undang-undang yang betul. Justeru, rayuan perayu ditolak. Sabitan dan hukuman hakim bicara disah dan dikekalkan.

Rayuan perayu ditolak dan sabitan dan hukuman dikekalkan.

Dilaporkan oleh Afiq Mohamad Noor